

**BANK ISLAM TERBIT TRANCHE KELAPAN SUKUK
MURABAHAH BERNILAI RM250.0 JUTA***Terbitan di bawah Program Sukuk Murabahah RM10.0 bilion*

KUALA LUMPUR, Rabu, [28 Mei 2025]: Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Bank) hari ini berjaya menerbitkan tranche kelapan Sukuk Murabahah Subordinat (Sukuk Murabahah) bernilai RM250.0 juta di bawah Program Sukuk Murabahah RM10.0 bilionnya.

Terbitan sukuk tersebut mencerminkan strategi pengurusan modal proaktif dan membentuk komponen penting dalam inisiatif perancangan modal dan pendanaan jangka panjang Bank Islam. Sukuk Murabahah tersebut layak sebagai modal Aras 2 di bawah Rangka Kerja Kecukupan Modal (Komponen Modal) bagi Institusi Perbankan Islam oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan menyokong usaha berterusan Bank Islam mengekalkan penampungan modal yang teguh selaras dengan keperluan Basel III.

Sukuk Murabahah tersebut, yang bertempoh 10 tahun dengan opsyen panggilan pada akhir tempoh tahun kelimanya, akan ditebus pada nilai nominal penuh setelah matang. Ia menerima penarafan A1 dengan prospek stabil oleh RAM Rating Services Berhad, sekali gus mencerminkan keyakinan pelabur dan prestasi konsisten Bank Islam.

Bank Islam berperanan sebagai Penasihat dan Pengatur Utama, Ketua Pengurus serta Penasihat Syariah bagi Program Sukuk Murabahah tersebut.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.my.

Sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di media@bankislam.com.my untuk mendapatkan maklumat tambahan.